



TANYA KHABAR... Isteri Tengku Mahkota Johor, Raja Zarith Sofia (kanan) meluahkan masa beramah mesra dengan mangsa banjir, Diana Zarfani Mohd Parudin, 16, di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Tze, Skudai.

metro. 30/12/06




DAYUNG... Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad menaiki sampan untuk melihat kawasan yang dilanda banjir di Kampung Aur Sebarang, Bukit Ibam, Rompin.

Bantu mangsa banjir



SALAM... Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bertanya sesuatu kepada Samad Abu, seorang mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan Kampung Melayu, Batu 4, Paloh, Batu Pahat.

BANJIR yang melanda Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang menyebabkan kemusnahan harta benda, prasarana dan sumber rezeki seperti tanaman dan temakan. Bagaimanapun, usaha pemerintah dan pemimpin yang segera turun padang mengutamakan pelbagai bantuan banyak membantu meredakan penderitaan mangsa banjir terbabit.



BANTU... Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Oren, Ulu Tiram, Johor Bahru.



PRIHATIN... Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (duduk, tengah) diiringi Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman membantu penduduk memotong sayur untuk dimasak ketika melawat mangsa banjir selepas menyampaikan bantuan di pusat pemindahan di Dewan Serbaguna Kesang Laut, Muar, Johor.



HULUR TANGAN... Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam membantu anggota tentera dari 3 Divisyen yang menyumbangkan khidmat menyediakan makanan kepada mangsa banjir di Sekolah Menengah Munsyi Abdullah, Batu Berendam, Melaka.